

31 OCT 2003

Mahathir-Persaraan/I

DR MAHATHIR: 100 HARI TERAKHIRNYA TERUS WARNA-WARNI

Oleh: P.Vijian

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Menjelang persaraan dan dalam tempoh 100 hari terakhir sebagai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus sibuk dengan pelbagai tugas penting termasuk menyuntik semangat dan memberi petua kepada negara dunia ketiga tentang cara-cara untuk memajukan ekonomi.

Dr Mahathir tidak langsung menunjukkan sebarang rasa penat atau jemu sekalipun telah berkhidmat selama lebih dua dekad menerajui Malaysia ke mercu kecemerlangan dan kebanyakan kata-kata beliau yang semamangnya didasari oleh kebenaran, sering mengundang serangan balas oleh pelbagai pihak yang terasa pedasnya.

Malah, menjelang hari persaraannya, Dr Mahathir bertindak umpama seorang doktor udara yang terbang dari Bangkok ke Timor Leste dan terus ke Papua New Guinea untuk memberi ubat dan petua mengenai ekonomi serta berjanji kepada para pemimpin dunia ketiga bahawa Malaysia akan meneruskan dasar luar dan ekonominya yang pragmatik sekalipun beliau tidak lagi menjadi perdana menteri negara ini.

Beberapa hari menjelang persaraannya juga, Dr Mahathir masih melaksanakan pelbagai tugas berat termasuk menangani nasib yang menimpa umat Islam, mengurus bencana yang menimpa ekonomi dunia dan akhir sekali mendepani Yahudi.

Ucapan beliau yang berterus terang mengenai sikap jelik Yahudi semasa merasmikan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Pusat Konvensyen Putrajaya berharga RM650 juta yang tersergam megah di Putrajaya telah menghasilkan gelombang ke seluruh dunia, dan sekali gus berjaya menjadikan sidang kemuncak tersebut satu acara yang menarik perhatian masyarakat antarabangsa.

Sesetengah pemerhati politik berpendapat kata-kata Dr Mahathir bahawa "Yahudi memerintah dunia melalui proksi. Mereka menggunakan orang lain untuk berperang dan berkorban untuk mereka," akan mencemar rekod kepimpinan cemerlang beliau selama ini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir tidak mpedulikan semua ini terutama tekanan serta kritikan yang dilemparkan kepadanya oleh orang luar.

Apa yang pasti ialah kedudukan dan nama baik beliau langsung tidak tercemar di negaranya akibat kata-kata itu. Dengan penuh keberanian, Dr Mahathir membalas hujah mereka yang tidak bersetuju dengan apa yang beliau ucapkan itu dengan berkata: "Saya bukan anti-Barat tetapi saya mengatakan apa yang terkandung dalam fikiran saya. Inilah perangai saya yang tidak baik. Malah, ada kalanya, saya mengkritik diri sendiri."

Semangat Dr Mahathir yang sentiasa berkobar-kobar untuk memperbaiki nasib negara Islam tidak pernah pudar hinggalah menjelang hari-hari terakhir tarikh persaraan beliau.

Semasa berucap pada Sidang Kemuncak OIC, beliau menggesa negara-negara Islam yang kaya dengan sumber alam supaya bangun dari tidur dan memajukan ekonomi masing-masing bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat serta mempersiapkan diri untuk bersaing dengan dunia yang bersifat global.

Sehari selepas mengambil alih jawatan pengerusi OIC, Dr Mahathir berlepas ke Bangkok untuk menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Sekalipun mesyuarat tersebut dihadiri oleh ramai pemimpin terkemuka dunia, namun Dr Mahathir berjaya menarik perhatian hadirin apabila beliau menyeru agar diwujudkan perdagangan secara adil dan bukannya perdagangan

secara bebas yang selalunya membelakangkan keadilan.

Beliau mengingatkan Apec agar tidak terbabas daripada peranan tradisional - asas pembentukannya - iaitu untuk menggalakkan perdagangan dan mengurangkan ketidakseimbangan di kalangan negara anggota.

"Keselamatan, ketenteraan dan politik adalah perkara yang bukan untuk ditangani oleh Apec," kata Perdana Menteri.

Namun apabila beliau bercakap mengenai ekonomi semasa di Apec, baur anti-Yahudi terus menghantui. Presiden Amerika Syarikat George W. Bush mendakwa telah menegur Dr Mahathir tetapi telah dinafikan oleh Perdana Menteri yang menyifatkan beliau sebagai pemimpin bermuka-muka.

Sebagai seorang ahli politik yang berkelulusan bidang perubatan, bidang ekonomi tetap menjadi minatnya dan ia ternyata dalam siri lawatan terakhirnya.

Semasa di Yogyakarta dan berucap dalam persidangan Persekutuan Jurutera Asean, beliau mengingatkan dunia tentang ancaman terorisme ekonomi yang sama bahayanya dengan keganasan penganas kerana ia juga boleh menghancurkan ekonomi yang maju dan memiskinkan negara.

Seterusnya semasa melawat Timor Leste, salah sebuah negara termiskin dunia dengan penduduk yang tidak sampai sejuta, Dr Mahathir memberi jaminan Malaysia akan terus membantu membangunkan negara itu.

Semasa mengetuai rombongan dagang ke Papua New Guinea, beliau bersetuju untuk memajukan negara itu.

Sehari selepas pulang daripada lawatan itu, berucap merasmikan perhimpunan agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (Baru), Perdana Menteri menggesa rakyat terus mengekalkan cara Malaysia - kerana cara itu telah menghasilkan perpaduan dan kemakmuran kepada negara.

Tanpa budaya yang mulia, beliau menasihati bahawa pengetahuan yang diraih akan membawa kemusnahan kepada masyarakat.

Dr Mahathir mengakhiri kerjaya politiknya hari ini dan tamatlah era penuh warna yang mengagumkan ahli politik, ekonomi dan juga rakyat biasa.

-- BERNAMA

VP RYN MOZ